

# Nitiara Berita

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak  
(Sarawak Federation of Women's Institutes)

PPWS Kreatif

BIL 138 JUN-DIS 2018

## Lawatan ACWW World President ke Kuching

13 HINGGA 16 NOVEMBER 2018  
KUCHING, SARAWAK

13 November 2018

Jamuan Minum Petang di kediaman Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS



Penyampaian cenderahati oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS

(Dalam gambar dari kiri: Puan Norjanah binti Haji Razali, Timbalan Pengerusi PPWS/calon Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh 2019-2022; Mrs Heather Brennan, Bendahari ACWW; Mrs Ruth Shanks, Presiden ACWW; Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, Pengerusi Negeri PPWS; Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS)



Mrs Heather Brennan, Bendahari ACWW memerhatikan seni keringkam

Satu lawatan oleh Mrs Ruth Shanks, Presiden Persatuan Wanita Desa Sedunia @ Associated Country Women of the World (ACWW) kepada Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah diadakan selama 4 hari di Kuching dan Miri, Sarawak iaitu pada 13 hingga 16 November 2018. Turut mengiringi Presiden tersebut ialah Mrs Heather Brennan. Mereka berdua pertama kali menjelaskan kaki ke Sarawak dan mereka berasa amat berpuas hati dengan program yang diatur rapi oleh PPWS.

Antara program yang berlangsung sepanjang lawatan beliau ialah melawat projek keusahawanan salah seorang ahli PPWS yang mengusahakan Ladang Madu Kelulut di Sematan, demonstrasi tenunan keringkam dan masakan, melawat Rumah PPWS di Lundi, berjumpa dengan ahli-ahli PPWS termasuk ADUN Bekenu iaitu YB Puan Hajah Rosey Yunus, ADUN N.61 Bekenu dan di Rumah Panjang Annah Rais selain mengunjungi tempat pelancongan di Kuching iaitu di Semengoh Wildlife Centre dan Sarawak Cultural Village. Mereka turut didedahkan dengan aktiviti komuniti yang dijalankan di Cawangan Kampung PPWS selain persembahan tarian etnik masyarakat Bidayuh di Annah Rais.

Dalam lawatan ini, beliau menyeru agar wanita Malaysia mengisi survei yang dijalankan oleh Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) dengan kerjasama World Association of Industrial and Technological Research Organisations (WAITRO) berkenaan taraf kehidupan wanita luar bandar di laman sesawang berikut [www.ifrw.org.uk](http://www.ifrw.org.uk) sebelum 31 Disember 2018.

Data yang dikumpul dalam survei ini nanti akan membantu untuk memacu hala tuju/dasar serta polisi wanita di luar bandar/pedalaman di seluruh dunia. Data ini akan turut digunakan dalam *UN Sustainable Development Goals*.

PPWS turut berbangga kepada Puan Norjanah binti Haji Razali, Timbalan Pengerusi PPWS atas pencalonan sebagai Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh bagi sesi 2019-2022. Jawatan ini akan dipertandingkan pada Persidangan Ke-29 ACWW di Melbourne, Australia pada 4 hingga 10 April 2019, tahun hadapan.

PPWS telah menjadi Ahli Bersekutu kepada Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) ini sejak tahun 1963.

14 November 2018

Lawatan ke Semengoh Wildlife Centre



Gambar kenangan bersama Orang Utan di Borneo

Lawatan ke Rumah Panjang Annah Rais



Mrs Heather Brennan, Bendahari PPWS dan Mrs Ruth Shanks, Presiden ACWW diringi oleh beberapa orang ahli dari PPWS Cawangan Annah Rais

Sarawak Cultural Village



Mereka berdua sedang memerhatikan tenunan suku kaum Iban



Jamuan makan tengah hari yang disediakan oleh PPWS Cawangan Annah Rais. Antara menu yang dihidangkan ialah menu tradisional kaum bidayuh seperti lemang, ayam pансu dan pulut dimasak dalam periuk kera.

15 November 2018

Lawatan ke Nirvan Agro Farm, Sematan



Mrs Ruth Shanks, Presiden ACWW sedang merasai madu kelulut dari sarang lebah kelulut sambil diperhatikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Timbalan Pengerusi PPWS

Lawatan ke PPWS Cawangan Sekambal, Lundu



Lawatan ke rumah PPWS Cawangan Sekambal, Lundu dan sedikit penerangan diberikan berkenaan produk makanan kering yang dijual oleh ahli-ahli PPWS di Lundu

Lawatan ke Kilang Memproses Keropok di Lundi



Melawat Jambatan Darul Hana di Waterfront Kuching



Puan Norjanah binti Haji Razali, Timbalan Pengerusi PPWS memberi sedikit penerangan berkenaan latar belakang keropok ini kepada Mrs Ruth Shanks dan Mrs Heather Brennan sambil diperhatikan oleh Puan Asmah, pemilik kilang keropok yang juga merupakan ahli PPWS di Daerah Lundi



# Perutusan Pengerusi Negeri



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi tahniah dan syukur kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan majalah ini.

Kecemerlangan yang telah dicapai oleh ahli-ahli PPWS sepanjang 2018 perlu diteruskan dan ditingkatkan agar visi yang dijana dapat direalisasikan. Visi akan terlaksana apabila wujud daya usaha yang gigih dan kerjasama berpasukan yang mantap.

Saya yakin dan percaya ahli-ahli PPWS akan terus berusaha untuk meningkatkan ilmu, kemahiran, jati diri, berdaya saing serta penuh integriti dan bersemangat kental.

Kedatangan tahun baru 2019 nanti sudah tentu akan membawa cabaran baru apatah lagi dengan perkembangan pendidikan yang akan berkembang dengan pesatnya dan akan merubah cara dan gaya hidup masa hadapan.

Akhir kata, kita akan berusaha untuk bergerak seiring dengan perkembangan semasa agar PPWS terus kukuh, dikenali dan menjadi pemacu bukan hanya ke arah kesejahteraan keluarga dan wanita malah turut menyumbang kepada perkembangan dan ekonomi digital.

Selamat Tahun Baru 2019!

**DATO HAJAH NORHYATI BINTI HAJI ISMAIL**  
**Pengerusi Negeri,**  
**Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)**  
**Sesi 2018-2020**



**PERSEKUTUAN PERKUMPULAN  
WANITA SARAWAK**

**JOM SERTAI KAMI  
COME JOIN US**



<http://www.ppws.org.my>



sfw62@hotmail.com  
sfw62@yahoo.com



082-244015



082-237395



Ppws HQ



Ibu Pejabat PPWS,  
Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71,  
Jalan Green, 93150 Kuching



## Majlis Makan Malam sempena Ulang Tahun ke-56 PPWS

7 JULAI 2018

HOTEL KINGWOOD RESORT, MUKAH



Ketibaan Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS disambut oleh ahli-ahli PPWS Daerah Mukah berpakaian tradisional kaum Melanau



Penyampaian cenderahati oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, Pengurus Negeri kepada Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS sambil diperhatikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Timbalan Pengurus PPWS dan Puan Fatimah Nahrawi, Pengurus PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit



Sesi pemotongan kek oleh tetamu-tetamu kehormat. Turut hadir ialah Tuan Haji Awang Johari Awang Mustapha, Residen Mukah



Wajah-wajah di Majlis Makan Malam



Salah satu booth jualan oleh ahli dari PPWS Daerah Kapit

## LAWATAN KE PUSAT MEMPROSES KUIH ASLI

8 JULAI 2018

KAMPUNG JUDAN, MUKAH



Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS mencuba membuat kuih sepit gulung



Gambar kenangan di luar bangunan pusat memproses kuih asli



Ahli-ahli PPWS memerhatikan pengusaha kuih sepit Mukah membuat demo membuat kuih sepit gulung

## LAWATAN KE MINI MUZIUM MELANAU

8 JULAI 2018

KAMPUNG TELIAN, MUKAH



## LAWATAN PPWS KE PONTIANAK

3 HINGGA 6 SEPTEMBER 2018  
**PONTIANAK, KALIMANTAN BARAT**

Tiga puluh lima (35) orang rombongan PPWS telah mengadakan lawatan ke Pontianak, Kalimantan Barat Indonesia. Tujuan lawatan ialah untuk mengadakan lawatan balas kepada Majelis Perempuan Melayu Kalimantan Barat. Ahli-ahli terdiri daripada wakil PPWS Kuching/Samarahan, PPWS Sibu/ Sarikei/ Kapit, PPWS Miri/ Bintulu dan PPWS Limbang/ Lawas. Rombongan diketuai oleh Puan Salbiah Abdullah, Pengurus Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi PPWS.



▲ Di pusat aktiviti kraftangan dari hasil kitar semula ▲



▲ Ahli-ahli PPWS yang mengikuti rombongan lawatan ke Pontianak telah selamat tiba di Lapangan Terbang Pontianak



▲ Gambar kenangan sempena jamuan makan malam yang dihoskan oleh Majelis Perempuan Melayu Kalimantan Barat

## LAWATAN KE INSTITUT PENYELIDIKAN TANAH GAMBUT SARAWAK

15 OKTOBER 2018  
**KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**



▲ Gambar kenangan bersama Yang Berbahagia Dr Lulie Melling, Pengarah Institut Penyelidikan Tanah Gambut Sarawak



▲ Rombongan PPWS dibawa melawat ke bilik-bilik makmal di Institut ini



▲ Rombongan PPWS sedang mendengar penerangan dari Pengarah tentang Institut Penyelidikan Tanah Gambut Sarawak dan kajian-kajian yang dijalankan ke atas tanah gambut



▲ Penyampaian cenderahati penghargaan dari PPWS disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS kepada Yang Berbahagia Dr Lulie Melling, Pengarah Institut Penyelidikan Tanah Gambut Sarawak



▲ Puan Hajah Hamimah, Exco PPWS Kawasan Limbang/Lawas (tengah) sedang menandatangani buku pelawat sambil diperhatikan dari kiri dalam gambar: Puan Hajah Norliza, Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif dan Puan Hajah Hanipah Fauziah Shaikh Said, Setiausaha Kehormat PPWS



## PROGRAM DAPUR PENULIS ANJURAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK DENGAN KERJASAMA PPWS SEMPENA SARAWAK AUTHORS FESTIVAL 2018

20 OKTOBER 2018  
MYDIN VISTA, PETRA JAYA



▲ Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS dibantu oleh Encik Mohd Dol bin Sulaiman, Pembantu Pejabat PPWS bertugas sempena pameran dan jualan buku yang diterbitkan oleh Ibu Pejabat PPWS



▲ Demonstrasi masakan Cucur Kentang oleh Puan Hajah Jamilah Haji Mobel manakala Puan Rohana Seruji membuat demonstrasi masakan Bubur Pedas sambil ditemubual oleh Puan Dorothy Dela ak Lawrence, Pegawai dari Pustaka Negeri Sarawak



▲ Demonstrasi masakan Cucur Kentang oleh Puan Hajah Jamilah Haji Mobel dan dibantu oleh Puan Annie



▲ Demonstrasi masakan Bubur Pedas oleh Puan Rohana Seruji, Pengurus PPWS Cawangan RPR Fasa II sambil diperhatikan oleh Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS

### Resipi Cucur Kentang



#### Bahan-bahan:

3 biji kentang (dikupas dan diparut)  
5 sudu makan tepung jagung  
4 sudu tepung gandum  
1 biji telur ayam  
1 biji bawang besar (dihiris halus)  
1 biji cili merah (dihiris)  
1 tangkai daun bawang (dihiris halus)  
Lada sulah dan garam secukupnya  
Minyak masak

#### Cara memasak:

1. Satukan kentang yang sudah diparut dengan tepung jagung, tepung gandum, daun bawang, telur, cili merah bawang besar, serbuk lada sulah serta garam. Gaulkan sebati.
2. Pastikan minyak betul-betul panas supaya kentang tidak menyerap minyak.
3. Sudukan dalam kuali dan leperkan. Biarkan garing baru terbalikkan sebelah lagi.
4. Goreng sehingga keperangan. Angkat dan letakkan di atas tisu dapur supaya serap minyaknya.
5. Sedia untuk dihidang bersama sos cili.

### Resipi Bubur Pedas Sarawak



#### Bahan-bahan:

6 sudu besar Bumbu Bubur Pedas  
2 biji bawang merah, dihiris  
1 ulas bawang putih, diketuk  
1 sudu besar cili kering giling  
200gm udang kering  
5 cawan pati santan, diperah daripada 1 kelapa  
45gm soo hoon, direndam  
2 sudu besar minyak masak  
Garam secukup rasa

#### Sayuran:

5 daun kunyit, dihiris halus  
4 daun singkel, dihiris halus  
2 daun mengkudu, dihiris halus  
10 jagung muda, dipotong kecil  
2 tauhu kering, dipotong kecil, direndam  
100gm kulat hitam kering, dipotong kecil, direndam  
50 putik buah lily kering, dipotong kecil, direndam

#### Cara memasak:

1. Panaskan minyak dan tumis bawang merah, cili kering giling, bawang putih, udang kering dan Bumbu Bubur Pedas.
2. Masukkan pati santan dan sayuran. Biar mendidih selama 4 hingga 8 minit.
3. Masukkan soo hoon dan garam.
4. Biar mendidih sehingga soo hoon masak.
5. Angkat dan hidangkan.



▲ Puan Hajah Hamimah Haji Hasbullah, Exco PPWS Kawasan Limbang/Lawas menerima cenderahati dari Pustaka Negeri Sarawak atas penghargaan menjadi panel jemputan dalam sesi dialog Dapur Penulis. Beliau berkongsi pengalaman dalam menerbitkan buku-buku penerbitan PPWS sebelum ini

# BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PPWS SESI 2018-2020


**23-24 OKTOBER 2018**

**KUCHING, SARAWAK**

**Berita  
IBU PEJABAT**

Bengkel Perancangan Strategik PPWS yang diadakan selama dua (2) hari ini telah dihadiri oleh seramai tiga puluh (30) orang wakil dari PPWS Kawasan seluruh Sarawak termasuk Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS Sesi 2018-2020, dan kakitangan PPWS. Turut dijemput ke bengkel ini ialah Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS.

Lima (5) teras strategik yang dibincangkan adalah seperti berikut:



(Dalam gambar dari kiri: Puan Hajah Hanipah Fauziah Shaikh Said, Setiausaha Kehormat PPWS dan Cik Azerah Jumat, Pengelola PPWS Kawasan Kuching/Samarahan)

## BOOTH PPWS SEMPENA HARI WANITA PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2018

**3 NOVEMBER 2018  
PENVIEW CONVENTION CENTRE, DEMAK**

Pendaftaran keahlian PPWS secara dalam talian turut dibuka selain jualan produk usahaniah oleh Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS).

Kunjungan ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi. Rombongan telah disertai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS iaitu Puan Salbiah Abdullah, Exco PPWS Kawasan Kuching/Samarahan merangkap Pengurus Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi dan Puan Hajah Hamdiah binti Haji Mat, Exco PPWS Kawasan Kuching/Samarahan.

Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS; Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif bersama beberapa orang ahli dari Kuching iaitu Puan Hasmah Sauni, Pengurus PPWS Kawasan Kuching/Samarahan; Puan Norhashimah Abdullah, Pengurus PPWS Daerah Kuching dan Puan Josephine Osen.

Tujuan kunjungan ini ialah untuk menanyakan khabar ahli-ahli PPWS dan mengeratkan silaturahim dengan ahli lama PPWS. PPWS merakamkan penghargaan terima kasih atas kesudian menerima kunjungan PPWS.

## KUNJUNGAN PPWS KEPADA YANG BERBAHAGIA DATIN AMAR HAJAH FATIMAH JAMIL

**12 DISEMBER 2018**



## LAWATAN JKK SOSIAL DAN REKREASI KE SIBU DENGAN KERJASAMA PPWS CAWANGAN SUKUN, SIBU

**14-15 DISEMBER 2018**



Puan Hajah Jamilah binti Haji Mobel menunjukkan demonstrasi masakan Tauhu Terbalik di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Sibu sambil diperhatikan oleh ahli-ahli PPWS Cawangan Sukun, Sibu



▲ Penyampaian cenderahati plag PPWS oleh Puan Salbiah Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi kepada wakil dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Sibu



Melawat ahli veteran PPWS di Sibu iaitu Puan Hajah Ramlah Dawi yang berumur 82 tahun (Dalam gambar dari kiri: Puan Haidah Nor, Puan Salbiah Abdullah, Puan Hajah Ramlah Dawi, Puan Hajah Bohari, Puan Hajah Jamilah Haji Mobel)



Puan Rubiah Bohari, Pengerusi PPWS Cawangan Sukun menunjukkan demonstrasi memasak Mee Sua



▲ Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi diketuai oleh Puan Salbiah Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kecil ini bersama ahli-ahli PPWS Cawangan Sukun, Sibu melawat ahli veteran PPWS di Sibu iaitu Puan Hajjah In

## Berita KOPERWANIS



## BENGKEL KEMAHIRAN MEMBUAT PRODUK SEJUK BEKU (PAI, KARIPAP DAN ROTI CANAI)

Puan Hajah Dayang Mariam binti Haji Abang Mustapha, Setiausaha KOPERWANIS bersama dengan Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS, Puan Anni Hashimah Sulaiman dan Puan Dayang Latifah Kadri, ahli KOPERWANIS menghadiri Bengkel Kemahiran Membuat Produk Sejuk Beku (Pai, Karipap dan Roti Canai) anjuran ANGKASA Negeri Sarawak pada 27 Oktober 2018 di Bangunan ANGKASA, Jalan Matang, Kuching.

## LAN BERAMBEH ANAK SARAWAK 2018

Puan Norjanah Haji Razali, Pengerusi Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak (KOPERWANIS) bersama dengan kakitangan sokongan KOPERWANIS menyertai Ekspos Jualan Lan Berambeh Anak Sarawak 2018 pada 20 Oktober 2018 di MITEC Kuala Lumpur.



▲ Kursus Kepimpinan Koperator Wanita anjuran ANGKASA Negeri Sarawak di Miri/Bintulu yang dihadiri oleh beberapa orang ahli KOPERWANIS

## Kelas Demonstrasi Membuat Kuih Nona Manis

4 September 2018

### Resipi Kuih Nona Manis

#### Bahan A:

3 biji telur  
1 cawan santan  
1 cawan gula pasir  
2 cawan air  
2 cawan tepung gandum

#### Bahan B:

1/2 cawan tepung gandum  
1/2 sudu teh garam  
2 cawan santan  
6 helai daun pandan

#### Bahan C:

2 Cawan santan pekat  
2 sudu makan gula  
2 sudu makan tepung gandum  
1/2 sudu teh garam

#### Cara-cara:

1. Satukan semua bahan A, kacau hingga sebatи.
2. Masukkan bahan B yang telah dikisar dan gaul hingga sebatи.
3. Jerangkan di atas api hingga naik wap, sejukkan seketika.
4. Acuan lompong sapu dengan sedikit minyak kemudian masukkan adunan warna hijau.
5. Kemudian picitkan adunan C di tengah-tengah adunan warna hijau tadi.
6. Kemudian kukus selama 10-15 minit atau hingga masak.

Resipi disumbangkan oleh:  
Puan Hajijah binti Abdullah,  
PPWS Cawangan Green, Kuching



Kelas demonstrasi membuat kuih Nona Manis oleh PPWS Cawangan Green, di Ibu Pejabat PPWS, Kuching. Kelas sebegini diadakan setiap sebulan sekali sebagai aktiviti Cawangan mereka.

## Lawatan Sambil Belajar PPWS Cawangan Kuching ke Sanggau, Sintang dan Melawi, Indonesia

8 - 11 September 2018



Gambar beramai-ramai 23 orang ahli PPWS Cawangan Kuching semasa lawatan



Gambar kenangan di Kurnia Waterpark, Melawi

## ACWW Women Walk the World 2018

6 Oktober 2018, Serian



Aktiviti jualan berkonsepkan "My Village Food" turut diadakan. Sebanyak empat belas (14) meja dari setiap Daerah mengadakan aktiviti jualan pelbagai sayur-sayuran yang ditanam di kampung-kampung. Produk lain yang dijual adalah seperti aneka pekasam, kuih-muih dan makanan kering



Wakil dari setiap Daerah di dalam Kawasan Kuching/Samarahan membuat persediaan untuk pertandingan masakan Pansuh Sihat. Terdapat tiga jenis kategori pertandingan iaitu Pansuh berdasarkan ayam, nasi dan ikan



Aktiviti poco-poco turut diadakan dan disertai oleh 7 buah kumpulan. Juara Pertandingan Poco-Poco sempena Program ACWW di Serian telah dimenangi oleh wakil dari PPWS Daerah Serian

## Jalinan Mesra Antara PPWS Cawangan Tebelu, Sebuyau dan PPWS Cawangan Sejaie, Sadong Jaya

Kampung Sejaie, Sadong Jaya, 28 Oktober 2018



Ahli dari PPWS Cawangan Tebelu mencuba memukul gendang di PPWS Cawangan Kampung Sejaie yang sememangnya terkenal dengan budaya Mukun Sarawak



Perlawanan Persahabatan Bola Sepak di antara 2 buah Cawangan di Padang Bola Kampung Sejaie, Sadong Jaya

**Lawatan  
sambil  
belajar ke  
Lundu  
anjuran  
PPWS  
Cawangan  
Jenan, Serian  
18 Ogos 2018**



Gambar kenangan besama Puan Hajah Asmah Mohamad (tiga dari kanan) pemilik Kilang Keropok Asmah Family Enterprise. Turut bersama mengiringi sepanjang lawatan ini ialah Puan Latifah Haji Hakim, Setiausaha PPWS Daerah Lundu/Sematan (dua dari kanan); dan Puan Sharifah Haria Sayid Tuah (paling kanan).



▲ Ahli-ahli PPWS bergambar beramai-ramai di ruang tempat menjemur keropok

**Pesta Warisan Melayu  
“Old Kuching Kampung Heritage 2018”**

**28 Oktober 2018**



Ahli-ahli dari PPWS Kawasan Kuching/Samarahan mengambil bahagian dalam Pesta Warisan Melayu dengan mengadakan demonstrasi membuat kuih muih tradisional seperti kuih sepit, kek jantung pisang, bulasak, dan nagasari. Majlis Perasmian Pesta Warisan 2019 yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. Turut hadir mewakili Exco Negeri PPWS ialah Puan Hajah Hamdiah Haji Mat, Exco PPWS Kawasan Kuching/Samarahan dan Puan Masnah Haji Ramli, Exco PPWS Kawasan Sri Aman.



▲ Sesi taklimat oleh pengusaha Penternakan Kelulut Kampung Pugu, Lundu. Seramai 40 orang ahli dari PPWS Cawangan Jenan, Serian menyertai lawatan ini



Salah seorang ahli PPWS Cawangan Jenan berpeluang mencuba merasai madu kelulut segar dari kantung kelulut

**Jalinan Mesra Antara PPWS  
Cawangan Tebelu, Sebuyau dan PPWS  
Cawangan Sejaie, Sadong Jaya**

**Kampung Tebelu, Sebuyau**

**18 November 2018**



▲ Persembahan sempena lawatan balas PPWS Cawangan Kampung Sejaie, Sadong Jaya ke PPWS Cawangan Tebelu, Sebuyau

**Lawatan Jalinan Muhibah PPWS  
Cawangan Kampung Sri Arjuna kepada  
PPWS Kampung Bangka Semong,  
Kota Samarahan**

**4 November 2018**



**Kelas Asas Komputer PPWS Daerah Sebuyau dengan kerjasama  
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, UNIMAS**

**10 November 2018**

Kelas Asas Komputer PPWS Daerah Sebuyau telah dihadiri oleh seramai empat puluh (40) orang ahli PPWS Daerah Sebuyau. Program ini diadakan dengan kerjasama Sarawak Multimedia Authority (SMA), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Ahli-ahli telah diajar asas menggunakan peralatan komputer, cara-cara menaip dan menghantar e-mail.

Program telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Rohani Abdul Karim, Ahli Parlimen P 201 Batang Lutar. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, Pengurus Negeri PPWS dan Cik Azierah Jumat, Pengelola PPWS Kawasan Kuching/Samarahan.



## Sambutan Maal Hijrah 1440H/2018

20 November 2018



Penglibatan ahli-ahli dari PPWS Cawangan Kampung Tengah Meludam meraikan Sambutan Maal Hijrah

## Program Gabungan PAWE Pusa

30 November 2018



PPWS dijemput menghadiri program Program Gabungan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Pusa. Salah satu aktiviti yang diadakan ialah aktiviti senamrobiik beramai-ramai di Bangunan PAWE di Pusa

## Pengerami Merarau 2018

8 Disember 2018



PPWS Cawangan Kampung Perintah telah mengadakan Majlis Pengerami Merarau 2018 yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, Ahli Parlimen Sri Aman di Dewan Masyarakat Gua, Sri Aman. Majlis telah dihadiri oleh seramai 120 orang tetamu. Objektif program ialah untuk mengerakkan silaturrahim di antara ahli-ahli PPWS Cawangan dan Wakil Rakyat.

## Pesta Tanglung

3 September 2018



Seramai 28 orang ahli-ahli PPWS Cawangan Emerald Kapit dan PPWS Cawangan Kampung Baru Kapit sama-sama meraikan Pesta Tanglung

## Aktiviti Senaman dan Sukaneka

9 September 2018



## Berita Kawasan Sibu/ Sarikei/ Kapit

## Sambutan Hari Keluarga dan Hari Malaysia 2018

16 September 2018



Seramai 306 orang ahli-ahli PPWS meraikan Sambutan Hari Keluarga dan Hari Malaysia yang dianjurkan oleh PPWS Daerah Sarikei

## Hari Bersama Komuniti

24 November 2018



## Berita Kawasan

Sri Aman

Gambar kenangan ahli-ahli PPWS Cawangan Pusa menyertai Hari Bersama Komuniti anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Dewan Pusa

## Program Kesihatan Bersama Klinik Beladin

9 Disember 2018



Ahli-ahli dari PPWS Cawangan Beladin sedang melakukan senaman senamrobiik di Klinik Kesihatan Beladin

## Program Santai Bakat anjuran BAKAT Sri Aman

29 November 2018



Gambar beramai-ramai ahli-ahli PPWS Sri Aman yang menghadiri Program Santai Bakat anjuran BAKAT Sri Aman yang diadakan di Kem Pakit, Sri Aman. Turut hadir ialah Puan Tan Eng Siang, Pengurus PPWS Kawasan Sri Aman dan Puan Dayang Noor Ruzaliny Awang Jamarin, Pengelola PPWS Kawasan Sri Aman bersama ahli-ahli PPWS Sri Aman yang lain

## Pesta Tanglung

3 September 2018

Seramai 28 orang ahli-ahli PPWS Cawangan Emerald Kapit dan PPWS Cawangan Kampung Baru Kapit sama-sama meraikan Pesta Tanglung

## Aktiviti Senaman dan Sukaneka

9 September 2018



## Berita Kawasan Sibu/ Sarikei/ Kapit

Seramai 60 orang Ahli Jawatankuasa serta ahli-ahli PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibu menganjurkan program aktiviti senaman dan sukaneka untuk mempromosikan amalan gaya hidup sihat

## Gotong Royong Memasak Bubur Asyura

29 September 2018



PPWS Cawangan Jalan Haji Karim Sarikei mengadakan aktiviti gotong royong memasak bubur asyura yang disertai oleh seramai 15 orang ahli-ahli PPWS.

## Lawatan Presiden ACWW di Miri, Sarawak

16-18 November 2018

Gambar kenangan PPWS bersama Presiden ACWW di Lapangan Terbang, Miri



Persembahan Gendang dari ahli-ahli PPWS Cawangan Kampung Pintasan Tiris, Bekenu



Lawatan ke PPWS Cawangan Kampung Kelulit disambut dengan paluan kompong oleh Kumpulan Kompang PPWS Kampung Kelulit, Bekenu



Gambar kenangan bersama Kumpulan Kompong PPWS Kampung Kelulit, Bekenu



Penanaman pokok kelapa di hadapan Balai Raya, Kampung Kelulit sambil disaksikan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rosey Yunus, ADUN N61 Bekenu dan Pemanca Ali bin Mudin



Ketibaan Mrs Ruth Shanks, Presiden ACWW; Mrs Heather Brennan, Bendahari ACWW dan Puan Hilda Mesen Mayor, Exco PPWS Kawasan Miri/Bintulu disambut oleh Puan Habsah Daud, Pengurus PPWS Kawasan Miri/Bintulu dan Yang Berbahagia Dato Ursula Goh di Lapangan Terbang, Miri



Majlis Makan Malam bersama ahli-ahli PPWS Daerah Miri/Lutong dan Bekenu di Mega Hotel sempena Lawatan World President dan Bendahari ACWW. Ahli-ahli menggaya pakaian tradisional mewakili suku kaum ahli-ahli PPWS di Daerah Miri dan Daerah Bintulu



Presiden ACWW, Mrs Ruth Shanks sambil diperhatikan oleh tetamu lain mencuba membuat kuih penyaram, salah satu kuih tradisional Sarawak. Aktiviti ini diadakan di Rumah PPWS Daerah Bekenu



Gambar kenangan bersama Bekas Penaung PPWS, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah sempena Jamuan Minum Petang bersama Pegawai dari ACWW

Jamuan teh bersama ahli-ahli PPWS Daerah Miri/Lutong di Bangunan PPWS Miri bersama Pegawai dari ACWW. Turut hadir ialah Bekas Penaung PPWS, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah



Pameran hasil kraftangan "quilt" oleh salah seorang Ahli Seumur Hidup PPWS Daerah Miri, Puan Hajah Jemilah Haji Shadan dari PPWS Cawangan Piasau Link

## Aktiviti Membuat Karipap Pusing

2 Disember 2018



Salah satu aktiviti ahli-ahli PPWS Daerah Bintulu/Tatau, membuat Karipap Pusing di Bangunan PPWS Daerah Bintulu

## Sambutan Hari Wanita Peringkat Daerah Bekenu

25 Oktober 2018



Gambar kenangan ahli-ahli PPWS Daerah Bekenu bersama Yang Berhormat Dato Seri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak dan Yang Berhormat Puan Hajah Rosey Yunus, ADUN N61 Bekenu sempena penganjuran Sambutan Hari Wanita Peringkat Daerah Bekenu

## Sambutan Hari Wanita Peringkat Daerah Bekenu

25 Oktober 2018



PPWS Daerah Bekenu turut mengadakan Mesyuarat Bulanan untuk memastikan pengurusan dan perjalanan aktiviti serta program berjalan dengan lancar. Mesyuarat akan diadakan di Rumah PPWS Bekenu

## Aktiviti Mingguan PPWS Cawangan Piasau Link, Miri

5 Disember 2018



## Perarakan Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Bintulu 2018

22 November 2018



Penyertaan ahli-ahli PPWS Daerah Bintulu/Tatau dalam Perarakan Sambutan Maulidur Rasul di Bintulu

## Makan Malam sempena Sambutan Hari Keluarga PPWS Daerah Miri/Lutong

26 Oktober 2018, Hotel Mega, Miri



Tetamu menggayakan pakaian bertemakan "Masquerade Night"



Kemeriahana para peserta yang menyertai Pertandingan Pakaian Beragam sempena Hari Keluarga PPWS Daerah Miri/Lutong

PPWS Cawangan Piasau Link setiap minggu akan mengadakan bengkel mempelajari masakan atau kuih muih di Bangunan PPWS Kawasan Miri/Bintulu. Dalam gambar Puan Khayati Sulaiman, Pengelola PPWS Kawasan sedang menunjukkan cara-cara membuat Apam Milo Kukus kepada ahli-ahli di Cawangan tersebut

Kelas Membuat Sabun Kecantikan anjuran  
PPWS Cawangan Kampung Pangji

10 November 2018



▲ Puan Sahbah Sisa, Naib Pengurusi PPWS Daerah Lawas sedang menggaul bahan untuk membuat sabun kecantikan



▲ Sabun yang dihasilkan



▲ Ahli-ahli PPWS Daerah Lawas yang menyertai Bengkel Membuat Sabun Kecantikan

Aktiviti  
Demonstrasi  
Gubahan Bunga  
Cili Padi  
14 Oktober 2018



◀  
Bahan untuk menggubah Bunga Cili Padi dari bahan terbuang plastik diajar oleh Puan Hajah Zaliha binti Tuah, Pengurusi PPWS Cawangan Kampung Nauran

Aktiviti Memasak Bubur Asyura  
9 September 2018



▲ Aktiviti memasak bubur asyura anjuran PPWS Cawangan Samadango. Puan Hjh Jaliha binti Besar (tengah) sedang memasak bubur asyura sambil diperhatikan oleh Puan Hajah Rapiyah binti Ibrahim dan Puan Fatimah

Pesta Ambuyat 2018  
Sempena Hari Bukit Mas  
2018

7 Oktober 2018



▲ Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Hj Hasbi bin Habibollah, Ahli Parlimen P221 Limbang dan turut dihadiri oleh Yang Berhormat Paulus Palu Gumbang, ADUN N80 Batu Danau dan Kaunselor Suffian bin Mohat, Walikota Majlis Daerah Limbang



Sukaneka anjuran PPWS Daerah Lawas  
Sempena Program Sambutan Hari Kebangsaan 2018

31 Ogos 2018



Puan Suryah Jinin, Pengurusi PPWS Daerah Lawas menerima sijil penghargaan daripada Pegawai Jabatan Penerangan Daerah Lawas, Cik Linda Padan kiepada PPWS Daerah Lawas sempena Program Sambutan Hari Kebangsaan 2018

Majlis Perasmian Bangunan Anjung Warisan 3 Saampun PPWS Kg Benuas, Limbang

20 Ogos 2018



▲ Bangunan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail, Menteri Muda Pertanian Negeri Sarawak

Majlis Gawai Raya 2018 anjuran PPWS Daerah Limbang

22 Julai 2018



Ahli-ahli PPWS Daerah Limbang yang telah menerima Anugerah Jasamu Dikenang Sempena Majlis Gawai Raya 2018



Upacara Simbolik sempena Majlis Gawai Raya 2018 yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Dr Haji Abdul Rahman Ismail, Menteri Muda Pertanian Negeri Sarawak



Wakil tetamu jemputan yang turut hadir ialah dari KEMAS, PERKEP dan PERKIM Daerah Limbang



**Nama Usahawan** : Zainap binti Haji Muhi  
**Jenis Perniagaan** : Sulaman Keringkam  
**Nama Syarikat** : Sazalia Warisan Kraf  
**No. Telefon** : 019-6909307

Beliau merupakan ahli di PPWS Daerah Kuching. Beliau mula bergiat dalam PPWS sejak tahun 1980. Melalui PPWS, beliau telah mempelajari pelbagai kemahiran memasak dan membuat kuih-muih dan anyaman bakul.

Sepanjang bergiat dalam PPWS, secara tidak lansung membantu beliau meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan bersosial secara sihat dengan para usahawan lain yang berasal dari luar Sarawak.

**Perkongsian**  
Agensi

***Sekilas Pandang***  
**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN) NEGERI SARAWAK**

Oleh: Encik Fairul Desa  
Penolong Pengarah Kanan  
LPPKN Negeri Sarawak

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang dahulunya dikenali dengan nama Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN) telah ditubuhkan di bawah Akta Perancang Keluarga 1966 pada 10 Jun 1966.

Tujuan utama penubuhannya adalah untuk **Mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk iaitu pada kadar 3% kepada 2% sebelum tahun 1985** melalui perkhidmatan **Perancang Keluarga** sebagai salah satu usaha kerajaan untuk mengimbangi pembangunan ekonomi negara setimpal dengan kehendak sosial masyarakat Malaysia.

**Perancang Keluarga bukan semata-mata mengenai kelahiran anak** malah lebih menyeluruh kepada **rancangan yang harus direncanakan bagi sesebuah keluarga seperti peranan keibubapaan, peranan keluarga sebagai satu unit dalam masyarakat, faedah menyusun kehidupan keluarga bagi mencapai kesempurnaan hidup, ekonomi, pelajaran dan kesihatan.**

Usaha berterusan LPKN telah **membawa perubahan atau satu peralihan** dalam penyampaian perkhidmatan iaitu daripada perkhidmatan perancang keluarga skop yang lebih luas iaitu **Kesihatan Reproduktif dan Pembangunan Keluarga**.

**Perubahan dan peralihan** penyampaian ini juga telah membawa kepada **penukarana Nama dan Logo baru LPKN iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pada tahun 1984**.

Misi LPPKN adalah untuk **Menjadi Organisasi Kecemerlangan Penduduk dan Keluarga**. Manakala Visi kami adalah **Memacu Agenda Kependudukan Dan Kekeluargaan Melalui Dasar, Kajian Demografi-keluarga, Program Dan Perkhidmatan**; selaras dengan Objektif untuk **Mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program usahasama yang cekap dan berkesan ke arah melahirkan penduduk yang berkualiti**.

LPPKN turut melebarkan sayapnya ke Negeri Sarawak. LPPKN Negeri Sarawak telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan kini beroperasi di Wisma Polarwood, Jalan Satok, Kuching. Mempunyai empat (4) Unit iaitu Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam, Unit Penerangan dan Pendidikan, Unit Kaunseling Keluarga dan Unit Klinikal dan Reproduksi Manusia.

LPPKN Sarawak mempunyai beberapa Klinik Nur Sejahtera (KNS) iaitu di Bahagian Kuching, Sibu dan Miri yang merupakan antara 49 buah KNS seluruh Malaysia.

LPPKN menawarkan perkhidmatan dan penganjuran Program Pembangunan Keluarga seperti Kursus Keluarga@Kerja, SMARTBelanja@LPPKN, Ilmu Keluarga@ LPPKN serta penganjuran sambutan hari utama seperti Sambutan hari Ibu Bapa, Sambutan Bulan Keluarga, Sambutan Hari Penduduk dan sebagainya.

LPPKN juga menghasil Modul-modul Kekeluarga berdasarkan kitaran kehidupan keluarga antaranya Modul Belaian Kasih, Mutiara Kasih, Permata Kasih, PEKERTI, Cakna Diri, SMARTSTART, Bahtera Kasih, MOPKIPT, Terapi Minda, Keluarga@Kerja, Cakna Diri Ibu Bapa, Pancaran kasih, SMARTBelanja, SEKATA, PEKA dan Grand Parenting.

Selain daripada itu, LPPKN turut menawarkan perkhidmatan kaunseling keluarga sama ada sesi secara individu maupun kelompok. Malahan program berkonsepkan terapi seperti Terapi Minda, Terapi Kesunyian dan SMARTEmosi turut dianjurkan.

Bermula 2015, LPPKN telah melebarkan lagi perkhidmatannya dengan melatih para ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah dengan kemahiran urutan dan penjagaan ibu selepas bersalin yang diberi nama MamaCare. Atas sambutan yang cukup baik dalam kalangan masyarakat, LPPKN memperkenalkan pula perkhidmatan urutan kesejahteraan lelaki yang dikenali dengan MyPapaCare pada tahun 2018.

LPPKN Negeri Sarawak optimis untuk memberikan perkhidmatan kekeluargaan terbaik melalui program, kursus, bengkel, seminar maupun perkhidmatan di Klinik Nur Sejahtera LPPKN. Bagi sesiapa yang ingin mendapatkan maklumat lanjut, bolehlah berhubung dengan kami di LPPKN di alamat PEJABAT LPPKN NEGERI SARAWAK LOT 387, SUBLOT 16, SEKSYEN 5, WISMA POLARWOOD JLN SATOK, 93400 KUCHING SARAWAK. Atau melalui talian telefon 082-411035 / 036 atau faks 082-241036. Layari juga portal kami [www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my).



DAHULU



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

KINI